



KENYATAAN SEBUT HARGA
(Terbuka Kepada Pembekal Tempatan Bumiputera dan Bukan Bumiputera)

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat yang berdaftar dengan PUKONSA di daerah **Kota Kinabalu** bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN
JCK.Q.2/2026	Pembekalan Alat Tulis 2026	010201 (Alat Tulis)

Butir-butir lanjut mengenai sebut harga dan borang penyertaan boleh diperolehi di Unit Perolehan, Jabatan Cetak Kerajaan dengan mengemukakan Sijil asal PUKONSA dan Sijil Perniagaan Anak Negeri Sabah dari Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri bagi syarikat yang bertaraf Bumiputera. Setiap penyertaan akan dikenakan bayaran **RM15.00** sahaja.

Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertanda/ditulis **tajuk** dan **No. Sebut Harga** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** seperti alamat di bawah:-

**Setiausaha,
Jawatankuasa Sebut Harga,
Jabatan Cetak Kerajaan,
88554 KOTA KINABALU.**

Tarikh tutup sebut harga pada **20 Januari 2026** sebelum jam **10.00 pagi**. Penyertaan yang lewat diterima pada waktu yang ditetapkan akan ditolak.

Jabatan Cetak Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

**Pencetak Kerajaan Negeri
Jabatan Cetak Kerajaan**